

A decorative border with intricate floral and scrollwork patterns in black ink, framing the central text. The border consists of four ornate corner pieces connected by straight lines.

BAB KEENAM

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

BAB KEENAM : RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Fenomena pembinaan dan kejatuhan peradaban manusia menarik minat ramai sarjana timur dan barat. Pelbagai teori dirangka dan diketengahkan dalam usaha untuk menganalisis fenomena ini. Persoalan ini sebenarnya telah pun dibicarakan sejak kurun keempat belas yang lalu. Ibn Khaldun yang diterima umum sebagai pengasas *ilmu al-'umran* atau 'sains peradaban manusia' telah mengutarakan teori kitaran dalam usaha memperjelas fenomena tersebut.

Beliau berpandangan bahawa setiap sesuatu yang wujud tertakluk kepada aturan kelahiran, perkembangan, dan kematian. Proses perkembangan peradaban yang dikemukakan adalah berdasarkan analogi pusingan hayat mikrokosmos. Setiap peradaban akan melalui peringkat kelahiran, kedewasaan, kematangan, kemerosotan dan akhirnya kejatuhan. Peradaban tersebut akan digantikan dengan sebuah masyarakat baru yang akan turut mengulangi proses yang sama. Berdasarkan pengamatan terhadap proses kenaikan dan kejatuhan tersebut, ia merupakan satu pusingan yang akan berulang.

Sebagai makhluk sosial, manusia memerlukan individu lain untuk bekerjasama dan saling bantu-membantu bagi membentuk sesebuah kerajaan. Asas kepada terbentuknya organisasi sosial ini ialah semangat '*asabiyyah*' yang diperteguh oleh kesedaran beragama. Ibn Khaldun melihat bahawa perkembangan sesebuah peradaban adalah didorong oleh faktor material atau '*materialistic basis*'. Setelah berjaya memenuhi keperluan asas, manusia berusaha mendapatkan kemewahan dan kenikmatan yang bersifat badani.

Sumbangan yang paling menarik dan relevan bagi kajian ini adalah pendapat beliau mengenai faktor-faktor yang memungkinkan kejatuhan peradaban manusia. Kemewahan dan keselesaan hidup yang dinikmati manusia merupakan gejala yang melalaikan manusia, terutamanya golongan pemerintah. Kedudukan agama sebagai satu peraturan hidup akan tergugat. Jika keadaan ini berterusan, sistem pentadbiran menjadi lemah dan sistem moral dan akhlak akan runtuh. Corak kehidupan sebegini akan membawa kemusnahan kerana akhlak dan adab merupakan intipati sesebuah peradaban.

Pendapat ini bertepatan sekali dengan fenomena bangun jatuhnya sesebuah masyarakat atau peradaban seperti mana yang dicatatkan di dalam al-Quran. Apabila budaya *fasad* seperti gejala rasuah, fitnah-memfitnah, perzinaan dan perbuatan-perbuatan tidak berakhlak yang lain berleluasa, Allah S.W.T. mengizinkan peradaban tersebut dimusnahkan. Banyak fakta daripada al-Quran menunjukkan bahawa keruntuhan peradaban umat terdahulu adalah akibat daripada keruntuhan akhlak umat tersebut. Dengan kata lain, pengawasan terhadap nilai akhlak amat penting demi menjaga kecemerlangan sesebuah peradaban daripada kemusnahan.

'Dan jika Kami hendak membinasakan suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya' (17 : 16).

Selain itu, kezaliman dan ketidakadilan turut menjadi penyumbang utama kepada keruntuhan tersebut. Ibn Khaldun memberi amaran keras agar kerajaan tidak menindas dan mengenakan paksaan ke atas hamba rakyat. Kezaliman akan mendorong ke arah

penghapusan manusia, seterusnya melenyapkan hayat sesebuah peradaban. Kezaliman turut membangkitkan rasa benci dan jijik rakyat terhadap pemerintah. Adalah menjadi kehendak Allah S.W.T. agar dunia ini ditadbir dengan jalan yang benar dan lurus. Kekuasaan dan kekayaan yang dikurniakan adalah satu amanah yang harus dipelihara dengan sebaik mungkin.

Di dalam surah Al-Israa' (17:11), diceritakan bahawa Allah S.W.T. telah menghancurkan beberapa buah negeri atas kesalahan penduduk-penduduknya yang melakukan penganiayaan dan kezaliman. Allah S.W.T. turut mengingatkan bahawa kekuasaan adalah satu bentuk percubaan yang hebat. Apabila orang yang berkuasa lupa daratan dan berbuat apa-apa sahaja menurut hawa nafsu, kehancuran akan mengancam negara tersebut. Kebenaran ayat-ayat Allah S.W.T. ini diperkukuh dengan realiti sejarah. Sejarah peradaban manusia menyaksikan keruntuhan peradaban-peradaban agung dunia akibat kezaliman dan ketidakadilan.

Sebagai contoh, keagungan Peradaban Mesir yang dibuktikan menerusi tinggalan-tinggalan sejarah, seperti piramid, sphinx dan mumia, akhirnya musnah ditelan zaman akibat kekejaman pemerintahan Firaun. Mereka digantikan dengan satu sistem yang baru, satu golongan yang baru (40:21). Dengan kata lain, sesebuah peradaban yang dipenuhi dengan korupsi akan digantikan dengan peradaban yang baru. Amaran yang mencukupi telah diberikan sebelum Allah S.W.T. memusnahkan peradaban tersebut. Perkara yang sama turut dialami oleh puak Nazi di Jerman, Facisme di Itali, dan komunisme di Soviet Union.

Adalah menjadi suatu kelaziman, kemerosotan dan kejatuhan sesebuah peradaban berpunca dari dalam peradaban itu sendiri seperti yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun. Teori

'*umran* yang diperkenalkan oleh beliau ini boleh diaplikasikan dalam usaha menganalisis fenomena kejatuhan Peradaban Islam Melaka. Dalam episod kekuasaan Kesultanan Islam Melaka, Allah S.W.T. mengurniakan peluang bagi mereka mentadbir sesuai dengan karisma dan kredibiliti yang dimiliki. Malangnya, sekali mereka condong ke arah kemusnahan, Allah S.W.T. mengalihkan mereka daripada kekuasaan dan kemegahan dan menggantikan mereka dengan golongan yang lain. Kebanyakan penulis termasuklah pengarang *Sejarah Melayu* secara tidak langsung meletakkan kejatuhan Peradaban Islam Melaka sebagai menara Peradaban Islam yang unggul di alam Melayu berpunca daripada kemerosotan keperibadian dan kezaliman Sultan Mahmud Syah. Baginda tidak patuh kepada prinsip 'raja pemerintah yang adil' sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

Keadaan bertambah gawat apabila pembesar-pembesar pula bersengketa sesama mereka yang melibatkan pembunuhan ke atas mereka yang tidak bersalah. Amalan rasuah yang berleluasa telah meruncingkan lagi keadaan. Masyarakat Melaka berpecah-belah dan kucar-kacir sementara kemaksiatan dan kezaliman berleluasa. Kelunturan semangat '*asabiyyah*' dikalangan penduduk Melaka dan kewujudan pelbagai golongan saudagar asing mengakibatkan masyarakat Melaka berpecah-belah dan kucar-kacir. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sosiopolitik Peradaban Islam Melaka pada akhir era pemerintahan Sultan Mahmud Syah mengalami konflik dalaman yang amat getir. Serangan Portugis, merupakan faktor luaran yang menyempurnakan kejatuhan Peradaban Islam Melaka.

Kehadiran kuasa Portugis di Melaka adalah didukung oleh prinsip-prinsip '*Gold, Glory dan Gospel*'. Berita mengenai Melaka diketahui Portugal melalui pelbagai sumber. Kemasyhuran Peradaban Islam Melaka selaku emporium perdagangan terkemuka terserlah di mata Portugis. Keghairahan Portugis ditambah pula dengan adanya perkhabaran

kononnya di antara Melaka dengan China, terdapat sebuah negara yang penduduk-penduduknya beragama Kristian. Minat terhadap Melaka juga didorong oleh keimbangan terhadap dasar peluasan kuasa pihak Sepanyol yang juga berminat terhadap Melaka. Misi mereka untuk menguasai Melaka akhirnya membuahkan hasil apabila Peradaban Islam Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511.

Suatu pengiktibaran yang harus diambil daripada kekalahan Peradaban Islam Melaka ke tangan Portugis ialah peri pentingnya sesebuah negara yang meningkat maju dan sedang membina peradaban dilengkapi dengan angkatan tentera yang kuat dengan persenjataan terkini. Kekuatan pertahanan menjadi satu kemestian untuk sesebuah peradaban untuk berdiri lama. Sikap dan perwatakan seseorang pemerintah yang beriman, jujur dan cekap, di samping kepintaran pembesar-pembesar amat penting untuk menjamin kemajuan dan kegemilangan sesebuah negara. Sesebuah peradaban juga hanya mampu berdiri teguh dengan tertegaknya kesepaduan dalaman yang taat setia kepada negara dan pemimpin. Suasana ini hanya dapat direalisasikan dengan kemakmuran ekonomi dan keadilan pemerintah. Semangat *'asabiyyah* yang tinggi ditambah dengan keamanan dalam negara dan angkatan tentera yang mahir dan berdisiplin menjamin kelangsungan hayat sesebuah peradaban untuk tegak berdiri dalam jangka waktu yang panjang.

Harus diingat bahawa kezaliman, ketidakadilan, ketidakcekapan pegawai-pegawai, penyalahgunaan kuasa, budaya fitnah-memfitnah dan gejala rasuah bukanlah suatu fenomena baru pada abad kelima belas dan keenam belas, tetapi telah wujud sejak manusia mendiami muka bumi ini. Penyakit-penyakit sosial ini tidak terhenti setakat itu sahaja, malah telah melarat sehingga tempoh-tempoh seterusnya. Gejala-gejala ini turut melanda masyarakat dan pemerintahan negara kita pada masa ini dan negara-negara maju yang lain.

Dengan kegawatan amalan keruntuhan moral dan akhlak yang melanda Peradaban Barat akhir-akhir ini, adalah diharapkan akan bangun semula Peradaban Islam untuk sekali lagi tegak membina dan menguasai kegemilangan peradaban dunia. Dunia menyaksikan pertapakan pusat-pusat Peradaban Islam kini beralih arah ke alam Melayu. Dalam usaha Malaysia untuk mengorak langkah ke hadapan dan merekonstruksi peradaban cemerlang pada abad kedua puluh satu nanti, Malaysia harus mengimbas kembali prinsip-prinsip, ciri-ciri, struktur dan sistem yang pernah menjadi asas pembentukan Peradaban Islam Melaka pada zaman kegemilangannya.

Adalah menjadi satu harapan yang tinggi agar peradaban yang bakal dibina pada abad kedua puluh satu nanti adalah sebuah peradaban yang dicirikan oleh keseimbangan yang saksama antara tuntutan fizikal, mental dan spiritual. Kemajuan material harus diimbangi dengan ketinggian nilai moral dan akhlak yang berpaksikan agama. Ketinggian intelektual harus dipandu oleh prinsip-prinsip wahyu. Bagi memikul tanggungjawab yang suci dan murni itu, Malaysia harus bersiap sedia merangka satu model unggul masyarakat madani seperti mana yang disarankan oleh Sardar (1979:51) :

It is possible both for an individual and a society, now or in the future, to work out a norm (pattern of ideal behaviour within the framework of Islam) or a set of norms, better than that worked out by the Companions of the Prophet in their society. Not only is it possible for us to work out better norms, but it is also possible for us to realise them in practice. Progress towards the Medina State is only possible if we can achieve this level of realisation of Islamic ideals.

Beliau turut menyetengahkan *'project 'umran'* dalam usaha untuk membentuk semula sistem-sistem Islam. Projek ini bertujuan untuk mengemukakan pelan bertindak bagi alternatif kepada masa depan Islam dan mempersembahkan kepada umat Islam visi masa depan Peradaban Islam. Projek ini akan beroperasi dalam tujuh peringkat yang setiap satu mempunyai projeknya yang tersendiri :

articulation of the Model of Medina State; articulation of civilisational parameters of Islam; generation of theories, models and paradigm based on the first and the second; a realistic assessment of contemporary environment and an estimation of possible future environment; articulation of goals for the Muslim ummah; development of Muslim PAYOFF - Plans and Assessment to Yield Options for the Future; continuous reappraisal of alternative Muslim futures derived from the first up to the sixth.

(Ibid., 126)

Manakala, Wan Hashim Wan Teh (1997:133-138) turut memperturunkan sepuluh perkara yang dirasakan perlu dijadikan ciri-ciri utama dalam usaha kita membina semula sebuah masyarakat madani yang dicitakan yang diringkaskan sebagai Pemerintahan Demokrasi vs Neo-Feudalisme, Agama Sebagai Teras, Pembangunan Ekonomi dan Keadilan Sosial, Masyarakat Penyayang Menerusi Pengukuhan Institusi Keluarga dan Peningkatan Integrasi Sosial (*'asabiyyah*), Ketinggian Bahasa dan Budaya, Alam Sekitar sebagai Sahabat, Kekuatan Pertahanan, Etika Kepemimpinan, dan Peranan Cendekiawan.

Berpandukan pelan yang dikemukakan, adalah menjadi harapan semua pihak agar peradaban yang bakal dilahirkan adalah peradaban yang kukuh, tinggi, cemerlang, dan gemilang yang berjaya menangani perubahan dan menangkis pelbagai bentuk cabaran.